



BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA
POPULATION AND HOUSING CENSUS OF MALAYSIA

2010

LAPORAN KIRAAN PERMULAAN ***PRELIMINARY COUNT REPORT***

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

KATA PENGANTAR

Banci Penduduk dan Perumahan 2010 (Banci 2010) merupakan banci kelima dijalankan bagi Malaysia. Banci terdahulu telah dijalankan pada tahun 1970, 1980, 1991 dan 2000. Banci 2010 merupakan projek statistik yang besar telah dapat dijalankan dengan jayanya dan melibatkan tenaga kerja yang ramai serta kos yang tinggi. Penggembleran tenaga dan kerjasama semua pihak di pelbagai peringkat sepanjang tempoh pembancian telah menghasilkan data yang amat berguna untuk perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan negara.

Maklumat yang diperoleh daripada banci ini adalah pelbagai dan komprehensif. Justeru itu, ia mengambil masa yang panjang dan penelitian yang rapi untuk memproses data muktamad demi menjamin kualitinya. Maka, untuk mendapat gambaran ringkas mengenai bilangan penduduk Malaysia pada tahun 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Laporan Kiraan Permulaan 2010**.

Laporan Kiraan Permulaan 2010 menyediakan data awalan **jumlah penduduk, isi rumah dan tempat kediaman**. Data muktamad dan terperinci bagi ciri-ciri demografi, sosial dan ekonomi akan disediakan secara berperingkat selepas pemprosesan data selesai.

Atas usaha gigih dan komitmen yang padu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan **Banci 2010** terutama warga Jabatan Perangkaan Malaysia, agensi kerajaan, sektor swasta dan penduduk Malaysia.

“Banci Penggerak Wawasan Negara”

DATO' HAJAH WAN RAMLAH BINTI WAN ABD. RAOF

Ketua Perangkawan dan
Pesuruhjaya Banci, Malaysia

15 November 2010

PREFACE

The 2010 Population and Housing Census (Census 2010) is the fifth census conducted for Malaysia. The previous censuses were conducted in 1970, 1980, 1991 and 2000. The Census 2010 is an enormous statistical project that has been undertaken successfully with a large number of workforce and incurred a high cost. The concerted efforts and co-operation of all parties at various stages during the entire enumeration period have produced very useful data for planning and implementation of national development policy.

*The information obtained from the census is varied and comprehensive. As such, it undergoes thorough checking which consumes time to process the final result to ensure its quality. Thus, to provide a quick insight on population of Malaysia in 2010, the Department of Statistics, Malaysia publishes the **Preliminary Count Report 2010**.*

*The Preliminary Count Report 2010 provides the preliminary data of the **total population, households and living quarters**. The final and detailed data on demographic, social and economic characteristics will be made available in stages once processing is completed.*

*I would like to express my highest appreciation and gratitude to all parties involved for their concerted efforts and full commitments particularly to all staff of the Department of Statistics Malaysia, government agencies, private sectors and the people of Malaysia in making the **Census 2010** a success.*

“Census Spearheads National Vision”

DATO' HAJAH WAN RAMLAH BINTI WAN ABD. RAOF
*Chief Statistician and
Commissioner of Census, Malaysia*

15 November 2010

PENEMUAN UTAMA
HIGHLIGHTS

MALAYSIA, 2010

Jumlah Penduduk <i>Total Population</i>	27,565,821
Lelaki <i>Males</i>	14,112,667
Perempuan <i>Females</i>	13,453,154
Jumlah Isi Rumah <i>Total Households</i>	6,396,174
Jumlah Tempat Kediaman <i>Total Living Quarters</i>	7,380,865
Purata Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan (2000-2010) <i>Average Annual Population Growth Rate (2000-2010)</i>	2.17 %

PENEMUAN UTAMA MENGIKUT NEGERI
HIGHLIGHTS BY STATE

2010

Negeri <i>State</i>	Jumlah Penduduk <i>Total</i> <i>Population</i>	Jumlah Isi Rumah <i>Total</i> <i>Households</i>	Jumlah Tempat Kediaman <i>Total Living</i> <i>Quarters</i>
MALAYSIA	27,565,821	6,396,174	7,380,865
Johor	3,233,434	775,338	915,014
Kedah	1,890,098	440,919	518,130
Kelantan	1,459,994	300,178	336,456
Melaka	788,706	194,507	236,019
Negeri Sembilan	997,071	237,416	314,424
Pahang	1,443,365	314,637	361,771
Perak	2,258,428	559,405	667,565
Perlis	227,025	53,350	62,114
Pulau Pinang	1,520,143	385,658	468,278
Sabah	3,120,040	530,572	578,929
Sarawak	2,420,009	540,990	594,960
Selangor	5,411,324	1,375,869	1,569,978
Terengganu	1,015,776	212,693	240,955
W.P. Kuala Lumpur	1,627,172	436,865	471,297
W.P. Labuan	85,272	18,085	19,854
W.P. Putrajaya	67,964	19,692	25,121

KANDUNGAN

	<u>Muka surat</u>
KATA PENGANTAR	i
PENEMUAN UTAMA, MALAYSIA, 2010	iii
PENEMUAN UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2010	iv
NOTA TEKNIKAL	1
JADUAL	
Jadual 1 : Taburan penduduk (bilangan dan peratus) mengikut negeri, 1980, 1991, 2000 dan 2010	25
Jadual 2 : Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan (peratus) mengikut negeri, 1980-1991, 1991-2000 dan 2000-2010	26
Jadual 3 : Keluasan dan kepadatan penduduk mengikut negeri, 1980, 1991, 2000 dan 2010	27
Jadual 4 : Jumlah penduduk mengikut jantina dan negeri, 1980, 1991, 2000 dan 2010	28
Jadual 5 : Nisbah jantina penduduk mengikut negeri, 1980, 1991, 2000 dan 2010	29
Jadual 6 : Bilangan tempat kediaman dan isi rumah mengikut negeri, 1980, 1991, 2000 dan 2010	30
Jadual 7 : Purata saiz isi rumah mengikut negeri, 1980, 1991, 2000 dan 2010	31
Jadual 8 : Bilangan penduduk dan purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan (peratus) mengikut negeri dan daerah pentadbiran, 1991, 2000 dan 2010	32
Jadual 9 : Bilangan tempat kediaman dan isi rumah mengikut negeri dan daerah pentadbiran, 1991, 2000 dan 2010	37
LAMPIRAN	
Lampiran 1 : Penubuhan daerah pentadbiran baru pada Banci 2010	43
Lampiran 2 : Perubahan sempadan daerah pentadbiran pada Banci 2010	44
Lampiran 3 : Peta menunjukkan sempadan negeri dan daerah pentadbiran, Malaysia, 2010	47

CONTENTS

	<u>Page</u>
PREFACE	ii
HIGHLIGHTS, MALAYSIA, 2010	iii
HIGHLIGHTS BY STATE, 2010	iv
TECHNICAL NOTES	13
TABLES	
Table 1 : <i>Distribution of population (number and per cent) by state, 1980, 1991, 2000 and 2010</i>	25
Table 2 : <i>Average annual population growth rate (per cent) by state, 1980-1991, 1991-2000 and 2000-2010</i>	26
Table 3 : <i>Area and population density by state, 1980, 1991, 2000 and 2010</i>	27
Table 4 : <i>Total population by sex and state, 1980, 1991, 2000 and 2010</i>	28
Table 5 : <i>Population sex ratio by state, 1980, 1991, 2000 and 2010</i>	29
Table 6 : <i>Number of living quarters and households by state, 1980, 1991, 2000 and 2010</i>	30
Table 7 : <i>Average household size by state, 1980, 1991, 2000 and 2010</i>	31
Table 8 : <i>Number of persons and average annual population growth rate (per cent) by state and administrative district, 1991, 2000 and 2010</i>	32
Table 9 : <i>Number of living quarters and households by state and administrative district, 1991, 2000 and 2010</i>	37
APPENDICES	
Appendix 1 : <i>Creation of new administrative districts as at Census 2010</i>	43
Appendix 2 : <i>Changes in administrative district boundary as at Census 2010</i>	44
Appendix 3 : <i>Map showing boundaries of states and administrative districts, Malaysia, 2010</i>	47

NOTA TEKNIKAL

1. Pendahuluan

- 1.1 Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (Banci 2010) adalah banci kelima dilaksanakan semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Banci terdahulu telah dijalankan pada tahun 1970, 1980, 1991 dan 2000. Banci 2010 mengumpul data tentang ciri-ciri tempat kediaman, isi rumah dan penduduk di Malaysia.
- 1.2 Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk melaksanakan banci dan dijalankan mengikut peruntukan yang terkandung dalam Akta Banci 1960 (Disemak 1969). Jabatan Perangkaan Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan Banci 2010 dengan kerjasama dan penyertaan sepenuhnya beberapa Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan Persekutuan.
- 1.3 Tujuan laporan ini ialah untuk membekalkan maklumat awalan berkaitan bilangan tempat kediaman, isi rumah dan penduduk di peringkat negeri dan daerah pentadbiran di Malaysia. Laporan ini mempersembahkan data Banci 2010 yang berasaskan ringkasan kiraan yang dibuat selepas operasi kerja luar sebelum prosesan komputer dilaksanakan ke atas soal selidik lengkap. Data untuk tahun 1980, 1991 dan 2000 pula merujuk kepada angka muktamad yang dijana melalui prosesan komputer tanpa disesuaikan dengan kurang penghitungan.
- 1.4 Banci 2010 merupakan satu projek pengumpulan data yang kompleks. Oleh itu, kemungkinan berlakunya ralat liputan dan ralat kandungan tidak dapat dielakkan. Dari segi ralat liputan, sebilangan tempat kediaman, isi rumah atau penduduk mungkin tertinggal, tersalah hitung atau berlaku duplikasi penghitungan. Ralat kandungan pula berasaskan salah lapor jantina, umur, warganegara, taraf perkahwinan, agama dan kumpulan etnik. Bagi menganggarkan kedua-dua ralat tersebut,


Penyiasatan Penilaian Liputan Banci (PPLB) dilaksanakan selepas selesai pembancian, sebagaimana disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam manual bertajuk '*Principles and Recommendations for Population and Housing Censuses (Revision 2)*'. Pada Banci 2000, kadar kurang penghitungan bagi Malaysia adalah 4.6 peratus manakala kadar bagi Banci 2010 hanya dapat diketahui setelah selesai prosesan data PPLB.

2. Organisasi Banci

- 2.1 Ketua Perangkawan Malaysia telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Banci yang bertanggungjawab ke atas keseluruhan perancangan dan operasi Banci 2010. Pesuruhjaya Banci dibantu oleh dua pasukan Pegawai Banci iaitu di peringkat ibu pejabat dan negeri. Pegawai Banci di ibu pejabat bertanggungjawab ke atas perancangan, penyediaan dokumen, kewangan dan pentadbiran, publisiti, latihan, prosesan data, analisis, penulisan laporan serta penyebaran maklumat banci.
- 2.2 Di peringkat negeri pula, pegawai banci terdiri daripada pegawai kerajaan negeri kecuali bagi Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Selangor, pegawai adalah dari Jabatan Perangkaan, Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA). Sementara itu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya adalah di bawah seliaan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Pegawai ini bertanggungjawab dalam penyelarasan dan pelaksanaan operasi kerja luar. Seorang pegawai kanan dari setiap kerajaan negeri (kecuali Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Selangor) dan wilayah persekutuan dilantik sebagai Timbalan Pesuruhjaya Banci bagi negeri masing-masing. Bagi Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Selangor, Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri berkenaan telah dilantik sebagai Timbalan Pesuruhjaya Banci.

- 2.3 Pembancian bagi penempatan Orang Asli di Pahang, Perak, Kelantan dan Selangor diketuai oleh seorang Penolong Pesuruhjaya daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Bagi kawasan tertentu yang didiami oleh pendatang asing di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, pembancian diketuai oleh Penolong Pesuruhjaya daripada Pasukan Petugas Khas Persekutuan (*Task Force*). Carta organisasi Banci 2010 adalah seperti di Carta 1.
- 2.4 Seramai 26,156 pembanci dan 3,931 penyelia telah dilantik untuk projek banci ini. Sebahagian daripada mereka terdiri daripada anggota kerajaan manakala selebihnya diperolehi daripada pasaran terbuka.

Carta 1: Organisasi Banci Penduduk dan Perumahan 2010



3. Kawasan Geografi

- 3.1 Banci 2010 meliputi semua negeri di Malaysia. Setiap negeri dibahagikan mengikut daerah pentadbiran (DP) masing-masing. Bagi tujuan operasi Banci, unit pembancian kecil iaitu blok penghitungan (BP) telah dibentuk yang mengandungi secara puratanya 80 hingga 120 tempat kediaman dengan anggaran penduduk seramai 500 hingga 600 orang. Lebih kurang 80 hingga 120 BP membentuk satu daerah banci (DB).
- 3.2 Pada Banci 2010, seorang pembanci dipertanggungjawabkan tiga BP secara purata. Seorang penyelia akan memantau pembanci bagi tiga lingkungan banci (LB) yang setiap satunya mengandungi lebih kurang tujuh BP. Seorang Penguasa Daerah akan bertanggungjawab untuk satu DB yang mengandungi lebih kurang 15 LB. Semua Penguasa Daerah dalam setiap DP adalah di bawah tanggungjawab Penolong Pesuruhjaya Banci. Timbalan Pesuruhjaya Banci di peringkat negeri pula bertanggungjawab ke atas semua Penolong Pesuruhjaya Banci di negeri masing-masing dan beliau bertanggungjawab terus kepada Pesuruhjaya Banci.
- 3.3 Organisasi banci di peringkat negeri dan kawasan geografi untuk tujuan banci adalah seperti berikut:

Jawatan	Kawasan Dipertanggungjawabkan	Bilangan Pegawai
Timbalan Pesuruhjaya	Negeri	14
Penolong Pesuruhjaya	Daerah Pentadbiran	223
Penguasa Daerah	Daerah Banci	812
Penyelia	Lingkungan Banci	3,931
Pembanci	Blok Penghitungan	26,156

4. Pendekatan Banci

4.1 Pada Banci 2010, pelbagai kaedah pengumpulan data telah digunakan.

i. **Temu ramah bersemuka**

Pembanci akan melawat ke setiap tempat kediaman untuk menemu ramah dan mendapatkan maklumat individu.

ii. **Pengisian sendiri**

(a) *Drop-off* dan *pick-up* (DOPU)

Pembanci akan meninggalkan (*drop-off*) Kit Banci yang mengandungi soal selidik dan dokumen berkaitan. Soal selidik perlu dilengkapi oleh responden dan pembanci akan kembali pada tarikh dan masa yang dipersetujui untuk mengambil semula (*pick-up*) soal selidik yang lengkap diisi.

(b) *e-Census*

Responden mengisi soal selidik secara atas talian melalui laman sesawang **www.statistics.gov.my**. Butir-butir pengenalan akan dibekalkan dalam Kit Banci bagi membolehkan responden mengakses *e-Census*.

4.2 Soal selidik banci (Dokumen 2) telah digunakan untuk mengisi maklumat bagi orang yang berada di tempat tinggal persendirian manakala Dokumen 3a dan 3b telah digunakan untuk tempat kediaman beramai-ramai seperti asrama kolej/universiti, asrama perubatan, rumah kebajikan/institusi sosial, berek polis/tentera, penjara dan orang yang tiada tempat tinggal.

4.3 Seperti Banci 2000, pendekatan ***de jure*** telah diguna pakai untuk Banci 2010. Penduduk dihitung mengikut tempat tinggal biasa mereka di Malaysia **pada Hari Banci iaitu 6 Julai 2010**.

4.4 Pembancian dijalankan dari 6 Julai hingga 22 Ogos 2010. Ia dijalankan dalam tiga fasa; fasa pertama dari 6 hingga 21 Julai, fasa kedua dari 22 Julai hingga 6 Ogos dan fasa ketiga dari 7 hingga 22 Ogos. Bagi memastikan liputan adalah lengkap, kerja penyelesaian (*mopping-up*) dilaksanakan pada setiap fasa.

5. Liputan Banci

5.1 Banci 2010 meliputi semua penduduk termasuk bukan warganegara yang telah atau akan tinggal selama 6 bulan atau lebih di Malaysia dalam tahun 2010. Ini **termasuk**:

- (a) Mereka yang berulang alik melintasi sempadan Malaysia (contohnya Singapura dan Thailand) untuk bekerja atau belajar tetapi mempunyai tempat tinggal biasa di Malaysia;
- (b) Rakyat Malaysia yang keluar negara untuk melancong, pengajian jangka pendek atau menghadiri persidangan/seminar atau urusan perniagaan;
- (c) Pegawai dagang dan pekerja asing serta keluarga mereka;
- (d) Pelawat dan penuntut asing;
- (e) Anggota tentera, tentera laut dan pegawai diplomatik asing serta ahli keluarga mereka yang menetap di Malaysia kecuali bagi mereka yang mempunyai immuniti diplomatik dan ingin dikecualikan; dan
- (f) Orang yang tiada tempat tinggal.

5.2 Kategori berikut **tidak termasuk** dalam kiraan banci berasaskan mereka tinggal di negara ini kurang dari enam bulan dalam tahun 2010:

- (a) Warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang telah atau akan keluar negara bagi tempoh enam bulan atau lebih dalam tahun 2010 untuk bekerja, belajar dan sebagainya;

- (b) Anggota tentera, tentera laut dan pegawai diplomatik serta keluarga mereka yang tinggal di luar Malaysia; dan
- (c) Orang asing seperti pelancong, ahli perniagaan dan seumpamanya yang berada di Malaysia bagi tempoh kurang dari enam bulan.

6. Konsep dan Definisi

6.1 Bagi tujuan banci ini, beberapa konsep digunakan iaitu:

Blok Penghitungan (BP)

Blok penghitungan ialah suatu kawasan muka bumi yang diwujudkan secara rekaan dan mempunyai sempadan tertentu. Secara purata, satu BP mengandungi 80 hingga 120 tempat kediaman dengan anggaran penduduk seramai 500 hingga 600 orang.

Tempat Kediaman

Tempat kediaman adalah suatu struktur yang dibina berasingan dan bebas untuk tempat tinggal. Takrifan perkataan 'berasingan' dan 'bebas' adalah seperti berikut:

Berasingan

Struktur adalah dianggap berasingan jika ia dikelilingi oleh dinding, pagar dan sebagainya serta ditutupi oleh bumbung.

Bebas

Struktur dikatakan bebas apabila ia mempunyai jalan masuk terus dari tangga umum, tempat lalu lintas atau ruang lapang (iaitu penghuni boleh masuk atau keluar dari tempat kediaman mereka tanpa melalui perkarangan sesiapa pun).

Bagaimanapun, jika struktur ini tidak dibina untuk tempat tinggal tetapi telah digunakan untuk tujuan demikian semasa banci, ia dianggap sebagai tempat kediaman.

Terdapat dua kategori tempat kediaman iaitu unit perumahan dan tempat kediaman beramai-ramai. Unit perumahan dikelaskan kepada rumah sesebuah, berkembar, teres/rangkai, berkelompok, rumah bandar, rumah kedai/pejabat, rumah pangsa, apartmen, kondominium, rumah panjang (Sabah dan Sarawak sahaja), pondok gantian/sementara dan bilik (mempunyai akses terus dari luar).

Tempat kediaman beramai-ramai adalah tempat tinggal yang didiami oleh sekumpulan besar individu dan biasanya mempunyai beberapa kemudahan untuk digunakan bersama seperti dapur, tandas, bilik mandi, ruang tamu dan bilik tidur. Contoh tempat kediaman beramai-ramai adalah hotel, hospital, asrama, rumah kebajikan, penjara dan rumah pekerja sementara.

Isi Rumah

Isi rumah terdiri daripada orang yang bersaudara dan/atau orang yang tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

- 6.2 Bagi tujuan penerbitan ini, beberapa istilah telah digunakan dan didefinisikan seperti berikut:

Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan

Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan telah dikira sebagai:

$$r = \left(\frac{1}{n} \ln \frac{P_n}{P_0} \right) \times 100$$

di mana,

$$r = \text{purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan}$$

- n = bilangan tahun yang tepat di antara P_o dan P_n
- P_o = penduduk pada tahun asal
- P_n = penduduk pada tahun kemudiannya
- ln = logaritma asli

Nisbah jantina

Nisbah jantina ialah bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Purata saiz isi rumah

Purata saiz isi rumah ialah bilangan orang bagi setiap isi rumah, dan dikira seperti berikut:

$$\frac{\text{Bilangan penduduk}}{\text{Bilangan isi rumah}}$$

Kepadatan penduduk

Kepadatan penduduk bagi satu kilometer persegi ialah nisbah penduduk sesebuah kawasan geografi yang tertentu pada keluasan kilometer persegi untuk kawasan yang sama.

7. Perubahan Kawasan/Sempadan

7.1 Selepas tahun 2000, terdapat beberapa penubuhan kawasan baru atau perubahan sempadan yang telah diwartakan oleh pihak berkuasa berkenaan untuk wilayah persekutuan dan daerah pentadbiran. Wilayah persekutuan baru yang diwujudkan ialah Putrajaya. Manakala daerah pentadbiran baru adalah seperti berikut:

- (i) Ledang dan Kulaijaya di Johor;
- (ii) Pokok Sena di Kedah;
- (iii) Kampar di Perak;
- (iv) Putatan di Sabah; dan
- (v) Pakan dan Selangau di Sarawak.

Perincian kawasan baru atau perubahan sempadan yang berkenaan seperti di Lampiran 1 dan Lampiran 2.

- 7.2 Data untuk daerah pentadbiran yang dikeluarkan dalam laporan ini bagi tahun 1991 dan 2000 disesuaikan dengan mengambil kira daerah pentadbiran baru yang diwujudkan dan perubahan sempadan yang berlaku.

8. Peta Malaysia

Dalam penerbitan ini turut dimasukkan peta Malaysia (Lampiran 3) yang menunjukkan dua entiti geografi iaitu Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak. Setiap satunya dilukis mengikut skala masing-masing. Walaupun dipisahkan oleh Laut China Selatan sejauh 500 kilometer, peta berkenaan dilukiskan berhampiran untuk mencapai maksud yang lebih jelas. Unit geografi yang ditunjukkan dalam peta meliputi 144 daerah pentadbiran serta tiga wilayah persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

TECHNICAL NOTES

1. Introduction

- 1.1 *The 2010 Population and Housing Census of Malaysia (Census 2010) is the fifth census conducted since the formation of Malaysia in 1963. Previous censuses were carried out in 1970, 1980, 1991 and 2000. The Census 2010 provides information on the characteristics of living quarters, households and population in Malaysia.*
- 1.2 *The Federal Government is responsible for undertaking the census and it is conducted under the provision of the Census Act, 1960 (Revised 1969). The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) was entrusted to conduct the Census 2010 with full co-operation and participation of several State Governments and Federal Government Agencies.*
- 1.3 *The purpose of this report is to provide preliminary information on living quarters, households and population by state and administrative districts in Malaysia. The report presents Census 2010 data based on preliminary counts after the field operations prior to computer processing of the completed questionnaires. Data for the years 1980, 1991 and 2000 refer to the computer generated final figures without adjusting for under enumeration.*
- 1.4 *The Census 2010 is a complex data collection project. Therefore, the possibility of coverage and content errors are inevitable. In terms of coverage errors, part of living quarters, households or population maybe left out, erroneously included or duplicated. Content errors in particular were based on erroneous responses on sex, age, citizenship, marital status, religion and ethnic group. To estimate the two errors, the Census Coverage Evaluation Survey (CCES) was conducted after enumeration was completed, as recommended by the United Nations in the manual entitled 'Principles and Recommendations for Population and Housing*

Censuses (Revision 2)'. In Census 2000, the under enumeration rate for Malaysia was 4.6 per cent while the rate for the Census 2010 will only be known after the CCES data has been processed.

2. Census Organisation

- 2.1 *The Chief Statistician of Malaysia is appointed the Commissioner of Census who is responsible for the entire planning and operation of Census 2010. The Commissioner of Census is assisted by two teams of Census Officers, who are from the headquarters and state levels. The census officers at the headquarters are responsible in planning, preparation of documents, finance and administration, publicity, training, data processing, analysis, report writing as well as dissemination of census information.*


- 2.2 *At the state level, census officers consisted of officers from each of the state government with the exception of Pulau Pinang, Kedah, Kelantan and Selangor, the officers were from the Department of Statistics, Department of Information and Department of Special Affairs (JASA). Meanwhile, the Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya were under the purview of Ministry of Federal Territories and Urban Wellbeing. These officers were responsible for co-ordinating and implementing field operations. A senior officer from each state government (except Pulau Pinang, Kedah, Kelantan and Selangor) and federal territories was appointed the Deputies Commissioner of Census at their respective state. In the case of Pulau Pinang, Kedah, Kelantan and Selangor, the respective state directors of DOSM were appointed the Deputies Commissioner of Census.*

- 2.3 *Enumeration for Orang Asli settlements in Pahang, Perak, Kelantan and Selangor were headed by an Assistant Commissioner from the Department of Orang Asli Affairs (JHEOA). For specific areas inhabited by foreigners in Sabah and Federal Territory of Labuan, the enumeration*

was led by Assistant Commissioners of Federal Special Task Force. The organisation chart for Census 2010 is in Chart 1.

- 2.4 A total of 26,156 enumerators and 3,931 supervisors were appointed for the census project. Some of them were government employees while the rest were employed from the open market.*

Chart 1: Organisation of Population and Housing Census 2010



3. Geographical Divisions

- 3.1 *The Census 2010 covers all the states in Malaysia. Each state is divided into respective administrative district (AD). For the purpose of census operations, small enumeration unit that is enumeration block (EB) has been created which contained an average of 80 to 120 living quarters with an estimated population of 500 to 600 persons. Approximately 80 to 120 EBs form a census district (CD).*
- 3.2 *During the Census 2010, an enumerator is entrusted with the average of three EBs. A supervisor will monitor the enumerators for the three census circles (CC), each consists approximately seven EBs. A District Superintendent will be responsible for a census district comprising approximately 15 CCs. All District Superintendents in every AD is under the responsibility of the Assistant Commissioner of Census. All Assistant Commissioners of each state is under the control of the Deputy Commissioner of Census for that state. The Deputy Commissioner of Census of each state in turn is responsible directly to the Commissioner of Census.*
- 3.3 *The census organisation at the state and geographical divisions was as follows:*

Position	Area of Responsibility	Number of Officers
<i>Deputy Commissioner</i>	<i>State</i>	<i>14</i>
<i>Assistant Commissioner</i>	<i>Administrative District</i>	<i>223</i>
<i>District Superintendent</i>	<i>Census District</i>	<i>812</i>
<i>Supervisor</i>	<i>Census Circle</i>	<i>3,931</i>
<i>Enumerator</i>	<i>Enumeration Block</i>	<i>26,156</i>

4. Census Approach

4.1 *In the Census 2010, a multi-modal data collection method was used.*

i. **Face to face interview**

The enumerator will visit every living quarters to interview and acquire the individual's information.

ii. **Self enumeration**

(a) *Drop-off and pick-up (DOPU)*

The enumerator will drop-off the Census Kit containing a questionnaire and related documents. The questionnaire should be completed by the respondent and the enumerator will pick-up the duly completed questionnaire on an agreed date and time.

(b) *e-Census*

*The respondents complete the questionnaires online via the website **www.statistics.gov.my**. The identification particulars are provided in the Census Kit to enable respondents to access e-Census.*

4.2 *The census questionnaire (Document 2) was used to fill in the information of persons found at private living quarters whilst the Documents 3a and 3b were used for the collective living quarters such as colleges/universities hostels, medical hostels, charitable/social welfare institutions, military/police barracks, prisons as well as homeless persons.*

4.3 *Like Census 2000, the **de jure** approach was adopted for Census 2010. All persons were enumerated based on their usual place of residence in Malaysia on the **Census Day that is 6 July 2010.***

4.4 *The enumeration was carried out from 6 July to 22 August 2010. It was conducted in three phases; the first phase from 6 to 21 July, the second phase from 22 July to 6 August and the third phase from 7 to 22 August. To ensure a complete coverage, mopping-up activities were undertaken during each phase.*

5. **Census Coverage**

5.1 *The Census 2010 covered all persons including non-citizens who has stayed or intended to stay in Malaysia for six months or more in the year 2010. This **includes**:*

- (a) Persons commuting across the Malaysian border (e.g. Singapore and Thailand) for work or study but maintaining usual residence within Malaysia;*
- (b) Malaysians who were overseas as tourists, on short term study or attending conference/seminar or on business;*
- (c) Expatriates and other foreign workers as well as their family members;*
- (d) Foreign visitors and students;*
- (e) Foreign military, naval and diplomatic personnel and their families staying in the country except for those who have diplomatic immunity and wished to be excluded; and*
- (f) Persons without permanent homes (homeless).*

5.2 *The following categories were **excluded** from the census count on the basis that they were staying in the country for less than six months in the year 2010:*

- (a) Malaysian citizens and permanent residents who were away or intended to be away from the country for six months or more in the year 2010 because of work, study, etc.;*

- (b) *Military, naval and diplomatic personnel and their families who were staying outside Malaysia; and*
- (c) *Foreigners such as tourists, businessmen and the like who were in Malaysia for less than six months.*

6. Concepts and Definitions

6.1 *For the purpose of this census, several concepts were used.*

Enumeration Block (EB)

An enumeration block is a land area which is artificially created and consists of specific boundaries. On average, one EB contains about 80 to 120 living quarters with approximately 500 to 600 persons.

Living Quarters (LQ)

Living quarters is a place which is structurally separated and independent and is meant for living. The terms, 'separate' and 'independent', mean the following:

Separate

A structure is considered separate if it is surrounded by walls, fence, etc. and is covered by a roof.

Independent

A structure is said to be independent if it has a direct access via a public staircase, communal passageway or landing (that is, occupants can come in or go out of their living quarters without passing through someone else's premises).

However, if the structure was not built for living but was used for that purpose at the time of the census, it is regarded as a living quarters.

There are two categories of living quarters namely housing unit and collective living quarters. The housing units are classified into detached, semi-detached, terrace/link, cluster, townhouse, shop house/office, flat, apartment, condominium, long house (Sabah and Sarawak only), improvised/temporary hut and room (with direct access from outside).

The collective living quarters are meant for living by a large group of individuals and usually have some common facilities such as kitchen, toilet, bathroom, lounge and bedrooms. Examples of collective living quarters are hotel, hospital, hostel, social welfare homes, prison and temporary quarters for workers.

Household

A household consists of related and/or unrelated persons who usually live together and make common provisions for food and other essentials of living.

- 6.2 *For the purpose of this publication, several terms are used and have been defined as follows:*

Average annual population growth rate

The average annual population growth rate has been calculated as:

$$r = \left(\frac{1}{n} \ln \frac{P_n}{P_o} \right) \times 100$$

where,

r = the average annual population growth rate

n = the exact number of years between P_o and P_n

P_o = the population at the initial year

P_n = the population at the later year

ln = the natural logarithm

Sex ratio

The sex ratio is the number of males per 100 females.

Average household size

The average household size is the number of persons per household, and is calculated as:

$$\frac{\text{Number of persons}}{\text{Number of households}}$$

Population Density

The density of persons per square kilometre is the ratio of the population of a given geographic area to the number of square kilometres in the same area.

7. Area/Boundary Changes

7.1 *After the year 2000, there were several new areas created or boundary changes that were gazetted by the relevant authority for federal territory and administrative districts. The new federal territory created was Putrajaya. Meanwhile, the new administrative districts were as follows:*

- (i) Ledang and Kulaijaya in Johor;*
- (ii) Pokok Sena in Kedah;*
- (iii) Kampar in Perak;*
- (iv) Putatan in Sabah; and*
- (v) Pakan and Selangau in Sarawak.*

The details of the new areas or relevant boundary changes are shown in Appendix 1 and Appendix 2.

7.2 *The data for administrative districts presented in this report for the years 1991 and 2000 have been adjusted to take into account the new districts created and the boundary changes that have taken place.*

8. Map of Malaysia

Included in this publication is a map of Malaysia (Appendix 3) showing two geographic entities, namely Peninsular Malaysia and Sabah/Sarawak, each drawn with its own scale, although separated by over 500 kilometres of the South China Sea. They are plotted in closer proximity to achieve maximum clarity. The geographic units shown in this map consist of 144 administrative districts as well as the three federal territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya.

PENUBUHAN DAERAH PENTADBIRAN BARU PADA BANCII 2010
CREATION OF NEW ADMINISTRATIVE DISTRICTS AS AT CENSUS 2010

Negeri <i>State</i>	Daerah pentadbiran baru seperti pada Banci 2010 <i>New administrative districts as at Census 2010</i>
Johor	Kulaijaya (iaitu mukim Sedenak dan Senai/Kulai yang dahulunya sebahagian daripada daerah pentadbiran Johor Bahru) <i>(that is mukim Sedenak and Senai/Kulai were formerly part of Johor Bahru administrative district)</i> Ledang (iaitu mukim Bukit Serampang, Grisek, Kesang, Kundang, Serom dan Tangkak yang dahulunya sebahagian daripada daerah pentadbiran Muar) <i>(that is mukim Bukit Serampang, Grisek, Kesang, Kundang, Serom and Tangkak were formerly part of Muar administrative district)</i>
Kedah	Pokok Sena (iaitu mukim Bukit Lada, Derang, Gajah Mati, Jabi, Lesong dan Tualang yang dahulunya sebahagian daripada daerah pentadbiran Kota Setar) <i>(that is mukim Bukit Lada, Derang, Gajah Mati, Jabi, Lesong and Tualang were formerly part of Kota Setar administrative district)</i>
Perak	Kampar (iaitu mukim Kampar dan Teja yang dahulunya sebahagian daripada daerah pentadbiran Kinta) <i>(that is mukim Kampar and Teja were formerly part of Kinta administrative district)</i>
Sabah	Putatan (iaitu dahulunya sebahagian daripada daerah pentadbiran Penampang) <i>(that was formerly part of Penampang administrative district)</i>
Sarawak	Pakan (iaitu daerah kecil Pakan yang dahulunya sebahagian daripada daerah pentadbiran Julau) <i>(that is sub-district Pakan was formerly part of Julau administrative district)</i> Selangau (iaitu sebahagian daerah kecil Dalat yang dahulunya sebahagian daripada daerah pentadbiran Dalat; dan sebahagian kecil daerah kecil Mukah & Balingian yang dahulunya sebahagian daripada daerah pentadbiran Mukah) <i>(that is part of Dalat sub-district was formerly part of Dalat administrative district; and small part of Mukah & Balingian sub-districts were formerly part of Mukah administrative district)</i>
W.P. Putrajaya	W.P. Putrajaya (iaitu dahulunya sebahagian mukim Dengkil dalam daerah pentadbiran Sepang) <i>(that was formerly part of mukim Dengkil in Sepang administrative district)</i>

PERUBAHAN SEMPADAN DAERAH PENTADBIRAN PADA BANCI 2010
CHANGES IN ADMINISTRATIVE DISTRICT BOUNDARY AS AT CENSUS 2010

Negeri <i>State</i>	Daerah Pentadbiran seperti pada Banci 2010 <i>Administrative Districts as at Census 2010</i>
Sarawak	<p>Sri Aman (iaitu daerah kecil Lingga dan Pantu serta sebahagian daerah kecil Sri Aman) <i>(that is Lingga and Pantu sub-districts as well as part of Sri Aman sub-district)</i></p> <p>Betong (iaitu daerah kecil Betong, Debak, Pusa dan Spaoh serta daerah kecil Maludam yang dahulunya sebahagian daripada daerah pentadbiran Sri Aman) <i>(that is Betong, Debak, Pusa and Spaoh sub-districts as well as Maludam sub-district formerly part of Sri Aman administrative district)</i></p> <p>Lubok Antu (iaitu daerah kecil Lubok Antu dan Engkilili serta sebahagian daerah kecil Sri Aman yang dahulunya sebahagian daripada daerah pentadbiran Sri Aman) <i>(that is Lubok Antu and Engkilili sub-districts as well as part of Sri Aman sub-district formerly part of Sri Aman administrative district)</i></p> <p>Daro (iaitu daerah kecil Daro; daerah kecil Belawai dan sebahagian daerah kecil Sarikei yang dahulunya sebahagian daripada daerah pentadbiran Sarikei; serta sebahagian daerah kecil Maradong yang dahulunya sebahagian daripada daerah pentadbiran Maradong) <i>(that is Daro sub-district; Belawai sub-district and part of Sarikei sub-district formerly part of Sarikei administrative district; as well as Maradong sub-district formerly part of Maradong administrative district)</i></p> <p>Maradong (iaitu sebahagian daerah kecil Maradong) <i>(that is part of Maradong sub-district)</i></p> <p>Sarikei (iaitu sebahagian daerah kecil Sarikei) <i>(that is part of Sarikei sub-district)</i></p> <p>Sibu (iaitu sebahagian daerah kecil Sibu) <i>(that is part of Sibu sub-district)</i></p> <p>Matu (iaitu daerah kecil Matu dan Igan serta sebahagian kecil daripada daerah kecil Sibu) <i>(that is Matu and Igan sub-districts as well as a small part of Sibu sub-district)</i></p>

PERUBAHAN SEMPADAN DAERAH PENTADBIRAN PADA BANGSI 2010 (samb.)
CHANGES IN ADMINISTRATIVE DISTRICT BOUNDARY AS AT CENSUS 2010 (cont'd)

Negeri <i>State</i>	Daerah Pentadbiran baru seperti pada Bangsi 2010 <i>New Administrative Districts as at Census 2010</i>
-------------------------------	--

Sarawak	Julau (<i>iaitu daerah kecil Julau sahaja</i>) (<i>that is Julau sub-district only</i>)
---------	--

Jadual 1: Taburan penduduk (bilangan dan peratus) mengikut negeri, 1980, 1991, 2000 dan 2010

Table 1: Distribution of population (number and per cent) by state, 1980, 1991, 2000 and 2010

Negeri State	Penduduk Population				Peratus Per cent			
	1980 ^(a)	1991 ^(a)	2000 ^(a)	2010	1980	1991	2000	2010
MALAYSIA	13,136,109	17,563,420	22,198,276	27,565,821	100.00	100.00	100.00	100.00
Johor	1,580,423	2,069,740	2,584,997	3,233,434	12.03	11.78	11.65	11.73
Kedah	1,077,815	1,302,241	1,571,077	1,890,098	8.20	7.41	7.08	6.86
Kelantan	859,270	1,181,315	1,287,367	1,459,994	6.54	6.73	5.80	5.30
Melaka	446,769	506,321	605,239	788,706	3.40	2.88	2.73	2.86
Negeri Sembilan	551,442	692,897	829,774	997,071	4.20	3.95	3.74	3.62
Pahang	768,801	1,045,003	1,229,104	1,443,365	5.85	5.95	5.54	5.24
Perak	1,743,655	1,877,471	1,973,368	2,258,428	13.27	10.69	8.89	8.19
Perlis	144,782	183,824	198,288	227,025	1.10	1.05	0.89	0.82
Pulau Pinang	900,772	1,064,166	1,231,209	1,520,143	6.86	6.06	5.55	5.51
Sabah	929,299	1,734,685	2,468,246	3,120,040	7.07	9.88	11.12	11.32
Sarawak	1,235,553	1,642,771	2,009,893	2,420,009	9.41	9.35	9.05	8.78
Selangor	1,426,250	2,291,429	3,941,316	5,411,324	10.86	13.05	17.76	19.63
Terengganu	525,255	766,244	880,234	1,015,776	4.00	4.36	3.97	3.68
W.P. Kuala Lumpur	919,610	1,145,342	1,305,792	1,627,172	7.00	6.52	5.88	5.90
